



“
Siasatan lanjut
akan dibuat
terhadap Pati
warga India
terbabit
Khairul Dzaimiee

KHAIRUL Dzaimiee memeriksa dokumen warga asing yang ditahan dalam Op Mega JIM di sebuah kilang di Senai.

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Alasan tidak tahu sektor pekerjaan dibenarkan bagi pekerja asing warganegara India dijadikan alasan tidak muna-sabah majikan sebuah kilang di Senai yang diserbu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) kelmarin.

Dalam serbuan itu seramai 64 lelaki pendatang asing tanpa izin (Pati) terbabit yang didaftarkan di bawah Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) ditahan agensi penguat kuasa itu pada jam 10.30 malam.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimiee Daud berkata, alasan pemilik kilang terbabit tidak diterima kerana mengikut dasar kerajaan, pekerja dari negara terbabit hanya di-

Kilang ‘penuh’ warga India

Imigresen tahan 64 Pati bekerja di bawah sektor tidak dibenarkan dalam serbuan di Senai

benarkan bekerja dalam sektor pembinaan, perkhidmatan, pertanian dan perladangan.

“Tidak pernah lagi dalam serbuan di kilang sebelum ini begitu ramai warganegara India diambil bekerja.

“Kita syak mungkin kilang ini guna perkhidmatan ejen untuk mendaftarkan pekerja di bawah rekalibrasi.

“Berdasarkan slip pendaftaran RTK, pekerja didaftarkan pada April 2021 dan se-

karang sudah Mac 2022 maknanya hampir setahun mereka kerja di situ,” katanya kepada pemberita selepas mengetuai Op Mega JIM itu.

Jelas Khairul Dzaimiee, selain 64 pekerja India terbabit, JIM turut menahan 16 warga negara Nepal, tiga warga Myanmar dan dua Bangladesh yang tiada dokumen perjalanan sah.

Katanya, semua lelaki berumur 25 hingga 40 tahun itu dibawa ke lokap imig-

resen di Setia Tropika di sini untuk siasatan lanjut

“Jika majikan boleh membuktikan pekerja terbabit memiliki dokumen sah, mereka akan dibebaskan.

“Siasatan lanjut akan dibuat terhadap Pati warga India terbabit, bagaimana mereka boleh diambil bekerja di kilang dan sekiranya kesalahan dapat dibuktikan maka majikan perlu hantar mereka pulang ke negara asal,” katanya.